



Laporan Tahunan

Bagi tahun kewangan berakhir
31 Mac 2025





NOTIS KEPADA PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit Amanah Yang Dihormati,

PENERBITAN PROSPEKTUS INDUK TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 31 DISEMBER 2024

Notis ini adalah untuk memaklumkan kepada anda bahawa Prospektus Induk bertarikh 1 Februari 2020 (PI), Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021 (PITP), Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023 (PITKD) dan Prospektus Induk Tambahan Ketiga yang bertarikh 1 Disember 2023 (PITKT) telah dikemas kini melalui Prospektus Induk Tambahan Keempat yang bertarikh 31 Disember 2024 (PITKE). Kemas kini yang dilakukan di dalam PITKE adalah seperti berikut:

- 1) Kemas kini definisi berkenaan "*Funds*", "*Manager / Management Company*" dan "*Variable Price Funds*" di bawah "*Glosari Terma / Singkatan*";
- 2) Kemas kini maklumat berkenaan "*Pengurus*", "*Pemegang Amanah*" dan "*Wakil Pemegang Amanah*" di bawah "*Direktori Korporat*";
- 3) Kemas kini berkenaan tarikh lanjutan "*Pengecualian dan Variasi daripada Garis Panduan Dana Unit Amanah*" seperti yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sehingga 31 Disember 2027, di bawah "*Asas Penilaian Pelaburan*";
- 4) Kemas kini berkenaan "*Hebahan Maklumat kepada Pemegang Unit*" di bawah "*Informasi Tambahan*";
- 5) Kemas kini berkenaan "*Saluran Khidmat Nasihat*" di bawah "*Informasi Tambahan*";
- 6) Maklumat pelantikan baharu berkenaan "*Ahli Lembaga Pengarah - ASNB*" iaitu Dato' Abdul Rahman bin Ahmad sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Encik Mohd Irwan bin Ahmad Mustafa @ Mustafa sebagai Ahli Lembaga Pengarah ASNB, dan Encik Fadzihan Abbas bin Mohamed Ramlee sebagai Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif ASNB di bawah "*Pengurusan dan Pentadbiran Tabung*";
- 7) Kemas kini profil pengurus pelaburan di bawah "*Pengurus Pelaburan bagi Tabung Unit Amanah*";
- 8) Kemas kini berkenaan "*Pengecualian dan Variasi daripada Garis Panduan Dana Unit Amanah*" yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk Tabung Harga Tetap di bawah "*Kelulusan dan Syarat*";
- 9) Kemas kini pernyataan berkenaan "*Transaksi Pihak Berkaitan yang Berpotensi dan Sedia Ada*" di bawah "*Transaksi Pihak Berkaitan / Konflik Kepentingan*";
- 10) Kemas kini e-mel Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di bawah "*Direktori*";
- 11) Kemas kini alamat cawangan-cawangan ASNB di bawah "*Direktori*"; dan
- 12) Penambahan ejen baru di bawah "*Senarai Ejen*".

Notis ini adalah untuk pemberitahuan sahaja dan tidak memerlukan tindakan susulan anda. Kami memberi jaminan bahawa pindaan ini tidak akan menjejaskan kepentingan anda sebagai Pemegang Unit, dan objektif serta strategi pelaburan tabung unit amanah juga kekal sama. PITKE ini boleh diperolehi di laman web ASNB di www.asnb.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai notis ini, sila hubungi pusat panggilan ASNB di 03-7730 8899 atau e-mel kami di asnbcare@asnb.com.my.

ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT TABUNG	1
2. PRESTASI TABUNG	2
3. LAPORAN PENGURUS	6
4. PENYATA PENGURUS	13
5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH	14
6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASB 2	15
7. PENYATA KEWANGAN	16
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2025	16
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2025	17
7.3 Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2025	18
7.4 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 31 Mac 2025	19
8. ALAMAT CAWANGAN ASNB	29
9. MAKLUMAT KORPORAT	31

**LAPORAN PENGURUS
AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2
(ASB 2)**



Pemegang-pemegang unit ASB 2 yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASB 2 dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASB 2 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASB 2	Aset Campuran	Pendapatan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASB 2 adalah untuk menyediakan aliran pendapatan tetap di samping memastikan pengkalan modal pelaburan pemegang unit melalui portfolio aset campuran.

***Nota:** ASB 2 bukan dana modal terjamin mahupun modal terlindung mengikut definisi Garis Panduan Dana Unit Amanah.*

1.3 PENANDA ARAS TABUNG

ASB 2 menggunakan penanda aras Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya.

Sumber: www.maybank2u.com.my

1.4 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASB 2 akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

- A. Perumpukan Aset Bagi ASB 2 Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac (%)		
	2025	2024	2023
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:			
Perkhidmatan Komunikasi	5.52	6.94	2.76
Barangan Bukan Asasi Pengguna	3.17	3.18	3.68
Barangan Asasi Pengguna	6.02	5.81	6.47
Tenaga	2.91	3.57	3.29
Kewangan	23.83	26.48	25.74
Penjagaan Kesihatan	2.62	3.95	2.14
Perindustrian	10.02	9.69	9.99
Teknologi Maklumat	7.83	7.05	5.76
Bahan Asas	2.13	3.51	3.17
Hartanah	7.24	8.11	8.26
Utiliti	7.61	8.17	14.45
Jumlah	78.90	86.46	85.71
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:			
a) Pelaburan didalam Unit Amanah dan Dana Didagangkan Bursa (ETF)	2.53	2.33	1.68
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	12.40	6.66	8.16
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	6.17	4.55	4.45
Jumlah	100.00	100.00	100.00

B. Senarai 20 Pelaburan Terbesar dari segi Peratusan Nilai Pasaran Berbanding dengan NAB Tabung:

Bil.	Syarikat	% Daripada Nilai Aset Bersih Tabung
1.	Malayan Banking Berhad	11.86
2.	Tenaga Nasional Bhd	4.16
3.	CIMB Group Holdings Bhd	4.01
4.	SD Guthrie Bhd	3.87
5.	Malaysia Government Bond	3.37
6.	Public Bank Bhd	3.04
7.	Petronas Gas Bhd	2.56
8.	Malaysia Government Investment Issue	2.19
9.	CelcomDigi Bhd	1.81
10.	Telekom Malaysia Bhd	1.70
11.	MISC Bhd	1.70
12.	Hong Leong Bank Bhd	1.63
13.	IHH Healthcare Bhd	1.17
14.	Sime Darby Property Bhd	1.12
15.	PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd	1.10
16.	Maxis Bhd	1.07
17.	Petronas Dagangan Bhd	0.95
18.	Arca Investments-Global Quant Low Volatility Roi I	0.92
19.	Gamuda Bhd	0.81
20.	Chevron Corp	0.74

Nota: Bagi perkara (B) di atas, senarai lengkap pelaburan akan disediakan atas permintaan pemegang unit.

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Maklumat Kewangan:

Selepas Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac		
	2025	2024	2023
Unit Dalam Edaran (Juta)	14,172.00	12,747.00	12,420.10
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	5.50	5.25	5.00
Jumlah Pengagihan (RM Juta)	730.98	660.55	610.48
Tarikh Pengagihan Pendapatan	2 April 2025	1 April 2024	1 April 2023
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	0.51	0.53	0.48
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.55	0.47	0.23

Nota:

1. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASB 2 yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASB 2 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2024 adalah tidak ketara.
2. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASB 2 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPGP bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2024 adalah tidak ketara.

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025, ASB 2 telah memperuntukkan sejumlah RM730,982,467 untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 5.50 sen seunit.

2.4 PURATA PULANGAN TAHUNAN

Purata pulangan tahunan bagi ASB 2 adalah seperti berikut:

	31 Mac 2025		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%) ¹	5.50	5.25	4.86
Penanda Aras (%)	2.54	2.62	2.33

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Pengiraan Jumlah Purata Pulangan adalah seperti berikut:-
 - (a) Pulangan 1 tahun = i_t
Di mana, i = pengagihan pendapatan ; t = tahun semasa
 - (b) Pulangan 3 tahun = $\left[\frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2}}{3} \right]$
 - (c) Pulangan 5 tahun = $\left[\frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2} + i_{t-3} + i_{t-4}}{5} \right]$

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASB 2 berbanding penanda aras adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac				
	2025	2024	2023	2022	2021
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	5.50	5.25	5.00	4.30	4.25
Penanda Aras (%)	2.54	2.80	2.52	1.85	1.95

Sumber: Novagnt Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025.

2.7 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASB 2 tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.8 DAGANGAN SILANG

Sepanjang dalam tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASB 2. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

2.9 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF

ASB 2 ("Tabung") telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025.

3.2 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan Tabung adalah untuk melabur dalam portfolio kelas aset yang pelbagai mengikut had pelaburan yang diluluskan, merangkumi ekuiti, sekuriti berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang, serta lain-lain sekuriti di Malaysia atau mana-mana pasaran yang diiktiraf seperti yang dibenarkan dalam Surat Ikatan Tabung.

Tabung boleh melabur sehingga 90% daripada Nilai Tabung ("Value of Fund") dalam ekuiti dan selebihnya dalam sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang termasuk aset mudah tunai. Walau bagaimanapun, Tabung boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025, strategi pelaburan Tabung telah dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor persekitaran ekonomi domestik dan global, kemampunan kadar pulangan pasaran saham, serta pulangan daripada sekuriti berpendapatan tetap. Sepanjang tempoh tinjauan, prestasi pasaran saham dunia telah dipengaruhi oleh kadar faedah yang kekal tinggi dalam jangka masa yang lebih panjang, ketegangan geopolitik yang berterusan, dan pemulihan ekonomi di China yang masih perlahan berbanding jangkaan. Walau bagaimanapun, tema Kecerdasan Buatan ("Artificial Intelligence, AI") terus memberikan kesan positif yang ketara kepada pasaran saham global sepanjang tahun kewangan. Di peringkat domestik, pengumuman projek-projek berimpak tinggi oleh kerajaan Malaysia serta peningkatan pelaburan asing dalam pembangunan pusat data tempatan telah menyokong prestasi pasaran saham. Oleh itu, strategi pelaburan Tabung kekal fokus kepada perumpukan aset yang optimal antara ekuiti domestik dan ekuiti antarabangsa, sekuriti berpendapatan tetap, serta instrumen pasaran wang untuk memastikan objektif Tabung tercapai.

i. Ekuiti

Pelaburan Tabung dalam ekuiti dilaksanakan secara selektif, dengan tumpuan kepada sektor-sektor dan syarikat-syarikat yang memiliki asas kukuh, prospek perniagaan yang stabil, serta berdaya tahan terhadap ketidaktentuan ekonomi dan pasaran saham, baik di peringkat domestik mahupun di peringkat antarabangsa. Di samping itu, pelaburan ekuiti turut menyoar saham-saham yang menawarkan pulangan dividen yang kompetitif dan konsisten, serta sektor-sektor yang dijangka mencatat pertumbuhan positif dalam jangka masa panjang. Pada masa yang sama, Tabung terus mengambil keuntungan daripada saham-saham yang telah mencapai harga sasaran, terutamanya dalam suasana pasaran saham domestik dan saham antarabangsa yang menunjukkan kadar kemerupaan yang tinggi.

a. Domestik

Pelaburan Tabung tertumpu kepada sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan. Antara sektor utama yang menjadi fokus adalah sektor Kewangan, yang menyaksikan peningkatan dalam aktiviti pinjaman dan pembiayaan. Pelaburan dalam sektor ini turut membolehkan Tabung meraih pulangan dividen yang kompetitif dan stabil. Selain itu, tumpuan diberikan kepada sektor Utiliti yang terus menjadi tumpuan, selari dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara ("National Energy Transition Roadmap, NETR"), yang menawarkan peluang pelaburan bernilai RM25 bilion, merangkumi projek Tenaga Boleh Baharu ("TBB") seperti solar dan hidrogen.

Pelaburan Tabung juga meliputi sektor Pembinaan dan sektor Hartanah, iaitu sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada pencergasan semula ekonomi di Johor, yang dipacu oleh pembinaan pusat data, serta peningkatan permintaan tenaga dan elektrik untuk menyokong infrastruktur tersebut. Pelaburan ini turut disokong oleh inisiatif kerajaan seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 ("New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030").

Di samping itu, Tabung turut memiliki pegangan saham dalam sektor Teknologi Maklumat, terutamanya dalam syarikat-syarikat yang mempunyai model perniagaan yang kukuh dan produk berteknologi tinggi, seperti alat pembuatan dan pemprosesan semikonduktor.

b. Antarabangsa

Dalam memastikan pulangan yang kompetitif, Tabung telah melabur dalam pasaran ekuiti antarabangsa yang dipelbagaikan ke beberapa pasaran utama dunia seperti pasaran saham Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah ("European Union, EU") dan juga Asia Pasifik. Sepanjang tahun kewangan, portfolio pelaburan antarabangsa Tabung tertumpu di dalam sektor Teknologi Maklumat terutamanya dalam syarikat-syarikat berkaitan AI. Di samping itu, pelaburan turut tertumpu di dalam sektor defensif seperti sektor Penjagaan Kesihatan (terutamanya segmen-segmen farmaseutikal dan teknologi perubatan) dan sektor Barangan Asasi Pengguna bagi mengimbangi risiko portfolio pelaburan Tabung.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025, strategi pelaburan Tabung telah dilaksanakan dengan mempelbagaikan pelaburan melalui sekuriti berpendapatan tetap yang memberi perolehan yang bersesuaian dengan risiko kredit setiap terbitan. Pelaburan Tabung dalam sekuriti berpendapatan tetap adalah tertumpu kepada sukuk korporat yang menjana kupon yang lebih kompetitif dalam usaha untuk memberikan pendapatan yang berdaya saing kepada Tabung. Pelaburan tambahan telah dilakukan dalam sektor Kewangan, sektor Utiliti dan sektor Hartanah yang mempunyai tempoh matang antara tiga (3) tahun sehingga sepuluh (10) tahun. Sektor-sektor ini telah mencatatkan prestasi kewangan yang memberangsangkan, dan masih menawarkan kredit terbitan yang tinggi.

Purata kadar hasil bagi pegangan portfolio sekuriti-sekuriti berpendapatan tetap adalah 4.50% dengan purata tempoh matang portfolio selama lapan (8) tahun, manakala purata penarafan kredit adalah "AA1".

Pada masa yang sama, pelaburan secara taktikal turut dilakukan di dalam sekuriti hutang kerajaan Malaysia seperti Malaysia Government Securities ("MGS") dan Government

Investment Issues ("GII"). Strategi pelaburan dalam sekuriti kerajaan ini adalah lebih kepada penjana keuntungan daripada aktiviti jual beli kerana bon terbitan kerajaan Malaysia dijangka akan mendapat manfaat daripada kenaikan harga, ekoran penurunan kadar faedah oleh Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat ("Federal Reserve Board") dan bank-bank pusat lain yang mengubah aliran dana pelaburan daripada pasaran maju ke pasaran negara membangun.

Selain sekuriti berpendapatan tetap kerajaan Malaysia, Tabung turut melabur di dalam pasaran sekuriti berpendapatan tetap antarabangsa dalam usaha menjana pulangan yang kompetitif kepada Tabung. Pelaburan di dalam sekuriti kerajaan Amerika Syarikat, Indonesia, Arab Saudi, bon korporat Malaysia dalam mata wang US Dolar ("USD") dan bon korporat Amerika Syarikat bertaraf gred pelaburan. Pelaburan ini bertujuan membina portfolio teras yang mampu memberikan kadar hasil lebih tinggi berbanding dengan kadar hasil sekuriti kerajaan bon tempatan.

Pelaburan Tabung juga dibuat dalam pasaran mata wang bagi memastikan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan saham antarabangsa pada masa yang bersesuaian, seiring dengan perumpukan aset aktif.

3.4 ULANGAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025, pertumbuhan ekonomi global kekal mampan, didorong oleh kestabilan pasaran pekerja yang berdaya tahan yang terus menyokong aktiviti penggunaan, seperti pembelian barangan dan perkhidmatan.

Pasaran saham utama dunia telah mencatatkan prestasi yang bercampur-campur, didorong oleh pengumuman rangsangan ekonomi oleh kerajaan pusat China serta keadaan ekonomi yang semakin baik di Amerika Syarikat dan China. Sektor Teknologi Maklumat yang berkaitan dengan keupayaan teknologi baru dan terkini seperti teknologi AI terus menarik perhatian pelabur dan mencatatkan pertumbuhan positif. Namun begitu, pengumuman oleh Presiden Donald Trump mengenai pelaksanaan cukai import tambahan terhadap lebih 60 negara di seluruh dunia telah menimbulkan sentimen negatif terhadap unjuran pertumbuhan ekonomi global dan meningkatkan risiko penyusutan keuntungan korporat.

Pasaran saham antarabangsa mempamerkan prestasi yang negatif, dengan indeks komposit utama antarabangsa, MSCI All Country World Islamic Index ("MSCI ACWI") telah mencatatkan penurunan sebanyak -5.2%. Sebaliknya, indeks komposit pasaran saham di Amerika Syarikat menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di mana S&P 500 mencatatkan kenaikan sebanyak +6.8%, diikuti oleh NASDAQ 100 yang mencatatkan kenaikan sebanyak +5.6%. Prestasi cemerlang ini didorong oleh pengukuhan ekonomi di Amerika Syarikat akibat pasaran buruh yang mampan dan perkembangan pesat industri AI. Pasaran saham di negara-negara membangun yang mempunyai komponen indeks yang tinggi dalam sektor Teknologi Maklumat turut mendapat manfaat daripada sentimen positif ini, seperti Taiwan yang mencatatkan kenaikan (TAIEX, +2.0%). Pasaran saham di China mencatatkan kadar pemulihan yang ketara pada bulan September 2024, sejajar dengan pengumuman rangsangan ekonomi beransur oleh kerajaan pusat China dengan indeks HSCEI ditutup pada kadar tinggi (HSCEI, +46.6%). Manakala, pasaran saham di Korea (KOSPI, -9.7%) merudum disebabkan keadaan politik yang tidak stabil.

Bagi pasaran saham di rantau ASEAN, Singapura mencatatkan pulangan tertinggi dalam tempoh tinjauan (STI, +23.2%), dipacu oleh sektor Kewangan yang mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi Singapura yang semakin baik. Walau bagaimanapun, prestasi pasaran ASEAN lain adalah kurang memberangsangkan di mana pasaran Filipina (PCOMP) mencatatkan penurunan sebanyak -10.5%, diikuti oleh pasaran Indonesia (JCI, -10.9%) dan Thailand (SET, -16.0%). Kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi dan ketidaktentuan berhubung dasar terkini Presiden Prabowo Subianto telah mencetuskan penjualan besar-besaran di pasaran Indonesia manakalapasaran saham Thailand mengalami kemerosotan akibat ketidakpastian ekonomi global dan ekonomi tempatan, serta aliran keluar dana daripada pelabur antarabangsa. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") Thailand yang lemah dan penilaian pasaran yang tinggi terus menjadi punca utama aliran keluar dana pelabur antarabangsa.

Bagi pasaran saham tempatan, penanda aras utama iaitu FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index ("FBM KLCI"), merosot dengan kadar penurunan sebanyak -1.46% daripada paras 1,536.07 mata pada 29 Mac 2024 kepada paras 1,513.65 mata pada 28 Mac 2025. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025, FBM KLCI telah mencatatkan paras tertinggi pada 30 Ogos 2024 dengan 1,678.80 mata dan paras terendah pada 12 Mac 2025 dengan 1,484.83 mata. Penurunan paras indeks adalah disebabkan oleh faktor luaran, berikutan pengetatan sekatan eksport cip oleh Amerika Syarikat yang dijangka menjejaskan rantaian bekalan global serta menyekat perkembangan pembangunan pusat data.

Sektor-sektor yang menyumbang kepada prestasi lemah pasaran Malaysia adalah sektor Teknologi Maklumat (-22.28%), sektor Tenaga (-20.41%) dan sektor Telekomunikasi (-19.71%). Sektor-sektor yang merekodkan prestasi positif adalah sektor Pembinaan (+18.92%), sektor Kewangan (+6.43%) dan sektor Hartanah (+5.44%). Prestasi positif sektor-sektor ini telah didorong oleh pelbagai inisiatif yang diumumkan oleh kerajaan Malaysia seperti NIMP 2030, projek High Speed Rail ("HSR"), NETR, serta Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura.

Antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan prestasi positif yang ketara dalam tempoh tinjauan adalah RHB Bank (+31.24%) dan QL Resources (+24.37%). Manakala saham-saham yang mencatatkan penurunan yang ketara dalam tempoh tinjauan adalah Petronas Chemicals Group Bhd (-44.27%), PPB Group Bhd (-29.19%) dan Nestle (M) Bhd (-26.94%).

3.5 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025, Malaysia telah menunjukkan daya tahan yang baik terhadap ketidaktentuan ekonomi global dengan KDNK mencatatkan peningkatan sebanyak 5.0% pada suku keempat, berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Federal Reserve Board dan Bank Pusat England ("Bank of England") masing-masing telah menurunkan kadar faedah dasar sebanyak 100 mata asas dan 75 mata asas kepada 4.50%. Di samping itu Bank Pusat Eropah ("European Central Bank") turut menurunkan kadar operasi pembiayaan semula sebanyak 160 mata asas kepada 2.65%, berbanding 4.25% yang dicatatkan pada awal tahun kewangan.

Kadar hasil bon 10-tahun Amerika Syarikat telah menurun sebanyak 11 mata asas, daripada 4.32% pada awal tahun kewangan kepada 4.21% pada hujung bulan Mac 2025. Penurunan ini selari dengan kebimbangan pelabur mengenai prospek kemelesetan ekonomi menjelang pengumuman tarif perdagangan oleh Presiden Donald Trump, yang mengakibatkan peningkatan

permintaan terhadap sekuriti berpendapatan tetap. Selain itu, ahli ekonomi juga meramalkan pemotongan kadar faedah oleh Federal Reserve Board yang akan turut menyumbang kepada penurunan kadar hasil bon.

Walaupun ketidakstabilan ekonomi global berlanjutan, Bank Negara Malaysia ("BNM") telah mengekalkan Kadar Dasar Semalaman ("Overnight Policy Rate, OPR") pada aras 3.00%, berteraskan dasar monetari yang kekal akomodatif terhadap pertumbuhan ekonomi tempatan. Pada masa yang sama, kadar purata simpanan tetap Maybank 12 bulan telah menurun sebanyak 20 mata asas daripada 2.70% kepada 2.50%, sepanjang tempoh tinjauan.

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025, pasaran sekuriti berpendapatan tetap di Malaysia juga menunjukkan tahap permintaan yang lebih baik apabila penanda aras kadar hasil MGS 10-tahun mencatatkan penurunan sebanyak 11 mata asas daripada 3.88% kepada 3.77% pada 31 Mac 2025. Ini mencerminkan kebimbangan pelabur global terhadap ketidakstabilan ekonomi dunia berikutan pengumuman tarif perdagangan oleh Amerika Syarikat. Bagi tempoh yang sama, penanda aras Indeks FTSE BPAM Ringgit Malaysia turut mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 5.33%.

Dari segi pasaran mata wang, nilai mata wang Ringgit Malaysia telah mencatatkan susut nilai yang ketara daripada paras RM4.1235/USD yang direkodkan pada pertengahan tahun kewangan kepada paras RM4.4383/USD pada 31 Mac 2025. Hal ini sejajar dengan pengumuman tarif perdagangan dari Amerika Syarikat yang menyebabkan mata wang USD lebih mengukuh dan kebimbangan pelabur asing terhadap kelembapan perdagangan yang mungkin memberi kesan kepada ekonomi Malaysia.

3.6 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026, Pengurus Pelaburan menjangkakan pasaran modal tempatan dan pasaran global akan menghadapi cabaran yang lebih ketara, dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi global yang dijangka kekal sederhana serta pelaksanaan tarif timbal balas baru Amerika Syarikat yang berkuat kuasa pada bulan April 2025. Menurut Tabung Kewangan Antarabangsa ("International Monetary Fund, IMF"), pertumbuhan ekonomi dunia dijangka kekal pada 3.3% untuk tahun 2025, dengan sedikit peningkatan pada tahun 2026, bergantung pada dasar monetari dan tindak balas pasaran terhadap tarif tersebut.

Kesan daripada tarif timbal balas yang diumumkan oleh Amerika Syarikat telah mencetuskan ketidakstabilan pasaran modal global. Pada bulan April 2025, indeks S&P 500 merosot hampir 12% (kesan terburuk sejak pandemik 2020) dan pasaran Asia seperti Nikkei 225 serta KOSPI turut susut masing-masing sebanyak 7%.

Selain itu, pertumbuhan ekonomi global yang dijangka berada di bawah purata sebelum pandemik (3.8%) ini turut didorong oleh kesan kadar faedah yang tinggi di Amerika Syarikat dan EU. Penurunan kadar faedah oleh Federal Reserve Board, Bank of England dan European Central Bank yang dijangka berlaku pada akhir tahun 2025 atau awal tahun 2026 boleh memberikan sedikit kelegaan sekiranya inflasi global adalah terkawal. Namun, risiko kemelesetan global mungkin meningkat kepada 60% menjelang akhir tahun 2025, seperti diunjur oleh J.P. Morgan, berikutan ketidakpastian terhadap arah tuju dasar perdagangan Amerika Syarikat yang akan mempengaruhi tahap kestabilan ekonomi dunia.

Ketegangan geopolitik, termasuk persaingan Amerika Syarikat dan China, konflik di Timur Tengah melibatkan Israel, Palestin dan Iran, serta gangguan rantaian bekalan global ekoran dasar tarif timbal balas Amerika Syarikat, dijangka meningkatkan kadar kemerupaan pasaran. Pemulihan ekonomi di China yang tidak sekata turut menjejaskan keyakinan pelabur.

Di peringkat domestik, Malaysia menghadapi tekanan daripada kelemahan nilai Ringgit Malaysia, ekoran penurunan eksport ke Amerika Syarikat dan peningkatan kos import bahan mentah. Di samping itu, pelaksanaan subsidi bersasar, yang dijangka mendorong kepada kadar inflasi melebihi 3% menjelang pertengahan tahun 2026, akan menjejaskan kos sara hidup dan kuasa beli pengguna. Walau bagaimanapun, pelaburan asing dalam pusat data dan projek TBB dijangka boleh bertindak sebagai penampungan kepada ketidakstabilan ekonomi, disokong oleh inisiatif kerajaan melalui projek-projek seperti NETR dan NIMP 2030.

Sehubungan dengan itu, strategi pelaburan Tabung akan mengambil pendekatan berhemat dan proaktif dengan memantau perkembangan ekonomi, serta pasaran secara rapi, melaraskan strategi pelaburan untuk memastikan pulangan kompetitif sambil mengimbangi tahap risiko.

Kepelbagaian aset merangkumi ekuiti domestik dan ekuiti antarabangsa, sekuriti berpendapatan tetap, dan pasaran wang akan menjadi fokus utama. Dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu, posisi taktikal juga akan diambil untuk mengaut keuntungan daripada turun naik pasaran ekuiti, dengan pegangan kukuh dalam aset berisiko rendah seperti sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang sebagai perlindungan sekiranya berlaku kejatuhan pasaran saham.

i. Ekuiti

a. Domestik

Strategi pelaburan ekuiti domestik Tabung akan tertumpu kepada sektor-sektor yang berdaya saing dengan asas perniagaan yang kukuh dan potensi pulangan dividen yang stabil, sambil memanfaatkan inisiatif kerajaan serta pelaburan asing, di sebalik tekanan tarif timbal balas yang dikenakan oleh Amerika Syarikat. Pelaburan akan dilakukan secara selektif untuk memastikan daya tahan portfolio dalam persekitaran ekonomi yang mencabar.

Tabung akan memberi perhatian khusus kepada sektor Pembinaan, yang dijangka akan dipacu oleh kemajuan projek infrastruktur seperti Mass Rapid Transit ("MRT") 3 dan Light Rapid Transit ("LRT") Bayan Lepas yang diumumkan pada awal bulan Januari 2025, serta pelbagai projek infrastruktur lain, terutamanya di Johor dan Sarawak yang akan turut menyumbang kepada peningkatan aktiviti ekonomi tempatan.

Sektor Tenaga dan sektor Utiliti pula akan mendapat sokongan daripada NETR, yang menyasarkan pelaburan RM25 bilion dalam projek TBB seperti solar dan hidrogen, serta permintaan elektrik yang meningkat daripada pusat data di Johor dan Selangor, diperkukuh oleh pelaburan asing dalam infrastruktur digital.

Sektor Teknologi Maklumat, khususnya industri semikonduktor, menawarkan peluang taktikal kerana Malaysia mendapat manfaat daripada pemindahan rantaian bekalan global akibat tarif timbal balas Amerika Syarikat ke atas China, walaupun kos pengeluaran yang lebih tinggi mungkin menjejaskan kadar keuntungan. Sektor Kewangan dijangka berdaya saing dengan pulangan dividen kompetitif, disokong oleh permintaan domestik dan

pelaburan asing. Namun begitu, inflasi dan kos pembiayaan yang meningkat boleh menghadkan pertumbuhan sektor ini. Sektor Amanah Pelaburan Hartanah ("Real Estate Investment Trusts, REITs") dan sektor Penjagaan Kesihatan akan menjadi pelaburan defensif, kerana menawarkan kestabilan dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu.

b. Antarabangsa

Pelaburan antarabangsa akan dilakukan secara selektif, setelah membuat pertimbangan mengenai perkembangan makro dan mikro ekonomi dunia, risiko geopolitik dan aliran dagangan sedunia. Pelaburan antarabangsa akan ditumpukan kepada sektor-sektor yang mempunyai prospek perniagaan yang cerah dan kadar pertumbuhan pendapatan yang baik serta sektor-sektor yang kurang terkesan oleh perang dagangan. Tabung akan terus melabur secara taktikal dalam sektor Teknologi Maklumat di Amerika Syarikat, Korea dan Taiwan, berikutan permintaan produk-produk semikonduktor yang masih berkembang. Selain itu, Tabung juga akan melabur dalam sektor-sektor dan syarikat-syarikat yang dijangka akan kekal defensif seperti sektor Telekomunikasi, sektor Penjagaan Kesihatan dan sektor Barangan Asasi Pengguna, disokong oleh keperluan asasi penduduk dunia tanpa mengira keadaan ekonomi semasa.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Tabung akan meningkatkan pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap bagi memperoleh kadar pendapatan kupon yang stabil di samping dapat mengurangkan risiko portfolio dan menstabilkan NAB Tabung. Bagi jangka masa panjang, pelaburan akan tertumpu pada bon korporat dalam pasaran domestik dan pasaran antarabangsa yang menjana kupon yang lebih tinggi, dengan menyasarkan syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif kepada Tabung. Selain itu, pelaburan akan diteruskan dalam sekuriti kerajaan Amerika Syarikat, Arab Saudi, United Kingdom dan pasaran lain yang mempunyai penarafan kredit yang kukuh bagi memanfaatkan potensi pemotongan kadar dasar faedah, selaras dengan pelonggaran dasar monetari global.

Di samping itu, pelaburan di pasaran wang akan dikekalkan bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memasuki pasaran saham tempatan dan saham antarabangsa pada masa yang bersesuaian. Untuk keperluan kecairan, pelaburan pasaran wang akan diletakkan dalam deposit jangka pendek. Tabung juga mungkin mengambil posisi defensif dengan meningkatkan pelaburan dalam pasaran wang jika berlaku perubahan negatif yang ketara kepada ekonomi dan juga pasaran modal.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2 ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia yang telah diubahsuai mengikut spesifikasi khusus yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia seperti yang dinyatakan pada nota 2 laporan penyata kewangan dan Garis Panduan Dana Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambil kira pengecualian yang telah diberikan kepada Unit Amanah bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Mac 2025, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 20 Mei 2025.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN
RAJA TUN UDA**
Pengerusi

DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
20 Mei 2025

5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-pemegang Unit **AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2** ("Tabung")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tahun penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Tabung adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Tabung.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
20 Mei 2025

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASB 2

Laporan penyata kewangan

Pendapat

Ringkasan penyata kewangan, yang merangkumi penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2025, dan nota-nota yang berkaitan, berasal dari penyata kewangan yang diaudit AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2 ("Unit Amanah") untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025.

Pada pendapat kami, ringkasan penyata kewangan yang disertakan adalah konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit, sesuai dengan keperluan pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC untuk pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia.

Ringkasan penyata kewangan

Ringkasan penyata kewangan tidak mengandungi semua pendedahan yang diperlukan oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia seperti yang diubah oleh spesifikasi yang dikeluarkan oleh SC ("Spesifikasi SC") seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 pada ringkasan penyata kewangan dan Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia. Oleh itu, bacaan ringkasan penyata kewangan dan laporan juruaudit di atasnya bukanlah pengganti untuk penyata kewangan Unit Amanah yang diaudit dan laporan juruaudit di atasnya.

Penyata kewangan yang diaudit dan laporan kami di atasnya

Kami menyatakan pendapat audit yang tidak diubah suai mengenai penyata kewangan yang diaudit dalam laporan kami bertarikh 20 Mei 2025.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Unit terhadap Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab untuk penyediaan ringkasan penyata kewangan bersesuaian dengan syarat pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC mengenai pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC tentang Dana Unit Amanah di Malaysia.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat samaada ringkasan penyata kewangan konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit berdasarkan prosedur kami, yang dijalankan sesuai dengan Piawaian Pengauditan yang Disetujui Malaysia (ISA) 810 (Disemak semula), "Penglibatan untuk Melaporkan Ringkasan Penyata Kewangan".

Sekatan penggunaan

Laporan kami mengenai ringkasan penyata kewangan Unit Amanah untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2025 dikeluarkan dengan mematuhi Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia dan tanpa tujuan lain.

Ernst & Young PLT

202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad Nor

No. 03083/07/2025 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
20 Mei 2025

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari instrumen pasaran wang, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		85,955,564	67,584,364
Pendapatan dari PNB	5	27,000,000	-
Pendapatan dividen		402,385,305	382,490,542
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		368,836,463	277,729,710
(Kerugian)/Keuntungan bersih kadar tukaran asing		(3,264,158)	12,311,362
		<u>880,913,174</u>	<u>740,115,978</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurusan	6	47,027,705	45,539,574
Yuran pemegang amanah	7	900,000	900,000
Ganjaran juruaudit		36,800	35,000
Yuran ejen cukai		4,900	4,900
Perbelanjaan pentadbiran		15,335,494	17,431,251
Rosot nilai dalam pelaburan disebut harga		32,825,544	9,874,828
		<u>96,130,443</u>	<u>73,785,553</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI		784,782,731	666,330,425
CUKAI	8	-	-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>784,782,731</u>	<u>666,330,425</u>
Pengagihan pelaburan	9	<u>730,982,467</u>	<u>660,548,730</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit		<u>5.50 sen</u>	<u>5.25 sen</u>
Tarikh pengagihan		<u>1 April 2025</u>	<u>1 April 2024</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2025**

	Nota	2025 RM	2024 RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		784,782,731	666,330,425
Lain-lain pendapatan komprehensif		-	-
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF UNTUK TAHUN KEWANGAN		784,782,731	666,330,425
Jumlah pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:			
Ternyata		785,248,317	667,620,334
Tidak ternyata		(465,586)	(1,289,909)
		<u>784,782,731</u>	<u>666,330,425</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

7.3 PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2025

	2025 RM	2024 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	6,538,389,204	5,668,963,372
Pembelian pelaburan	(7,466,178,261)	(5,686,687,182)
Simpanan dalam deposit dan instrumen kewangan	(150,000,000)	(155,056,306)
Pengeluaran dari deposit dan instrumen kewangan	155,056,306	117,996,960
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	92,146,183	75,133,852
Pendapatan dividen diterima	467,235,875	364,825,281
Pembayaran yuran pengurus	(46,535,287)	(45,452,759)
Pembayaran yuran pemegang amanah	(903,176)	(900,000)
Pembayaran lain-lain perbelanjaan	(15,263,727)	(17,326,465)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	(426,052,883)	321,496,753
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Tunai diterima daripada penjadian unit	1,605,100,000	563,100,000
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(216,900,000)	(260,000,000)
Pengagihan dibayar	(660,548,730)	(610,484,216)
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) aktiviti pembiayaan	727,651,270	(307,384,216)
PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
PERBEZAAN PERTUKARAN MATAWANG ASING	301,598,387	14,112,537
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	(3,264,159)	12,311,362
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	918,558,126	892,134,227
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:	1,216,892,354	918,558,126
Tunai di bank	83,396,304	101,926,483
Deposit dengan institusi kewangan	1,283,496,050	971,687,949
Deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang lebih dari 3 bulan	1,366,892,354	1,073,614,432
	(150,000,000)	(155,056,306)
	1,216,892,354	918,558,126

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

7.4 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 31 MAC 2025

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2 ("Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 26 Mac 2014, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 7.1 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 2 April 2014, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 12 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama PNB ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hakmilik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah pada 9 Disember 2013.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 20 Mei 2025.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut rangka kerja Perangkaan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang diubahsuai mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan Garis Panduan Tabung Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengeluarkan spesifikasi khusus di mana PNB dan unit amanah berharga tetap yang diuruskan oleh PNB dikecualikan daripada tetapi dibenarkan untuk menggunakan MFRS 9 Financial Instruments: Recognition and Measurement ("MFRS 9") dan MFRS 7 Financial Instruments: Disclosures ("MFRS 7"). Berdasarkan spesifikasi diberikan, Unit Amanah telah memilih untuk tidak menggunakan MFRS 9 dalam perakaunan bagi instrumen kewangan dan MFRS 7 bagi tujuan pendedahan yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Dasar Unit Amanah bagi perakaunan bagi instrumen kewangan dinyatakan dalam Nota 3 (a).

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah.

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS yang baru dan disemak semula yang tertakluk kepada entiti dengan tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 April 2025 tidak memberi kesan signifikan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata kedudukan kewangan, merangkumi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, sekuriti modal bercantum, skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan, saham disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

(b) Pelaburan

(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan kebiasaannya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan ini dinyatakan pada kos dan di mana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

(ii) Saham Disebut Harga, Saham Tidak Disebut Harga, Saham Pinjaman/Waran, Pelaburan Amanah Hartanah ("REITs") dan Skim Pelaburan Kolektif Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam saham disebut harga, saham pinjaman/waran, REITs dan skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata pasaran. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

Termasuk dalam pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga adalah syarikat-syarikat di mana Unit Amanah memegang lebih dari 20% tetapi kurang dari 50% kepentingan ekuiti. Unit Amanah tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap syarikat pelaburannya kerana Unit Amanah (i) tidak mempunyai perwakilan dalam lembaga pengarah entiti ini; dan (ii) tidak mengambil bahagian dalam proses pembuatan dasar mereka. Sebagai tambahan, Unit Amanah tidak terlibat dalam pembuatan keputusan untuk tujuan menggunakan hak suara dalam mesyuarat agung entiti-entiti ini.

(iii) Deposit dengan Institusi Kewangan

Deposit dengan institusi kewangan dinyatakan pada kos.

(c) Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham

Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

(d) Pendapatan Belum Terima

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

(e) Pelbagai Pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

(f) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan/pendapatan daripada instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akrual menggunakan kaedah kadar faedah keuntungan efektif.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada PNB diiktiraf dalam untung atau rugi pada tarikh urus niaga.

(g) Mata Wang Asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian"). Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Penyata Untung atau Rugi.

Transaksi bukan kewangan pada nilai saksama yang didenominasikan dalam mata wang asing ditukarkan pada kadar semasa pada tarikh nilai saksama ditentukan. Transaksi bukan kewangan yang diukur dari segi kos sejarah dalam mata asing tidak ditukarkan. Perbezaan tukaran yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan pada nilai saksama dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut kecuali perbezaan yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan yang mana keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada transaksi bukan kewangan juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

(h) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi di mana risiko dalam perubahan nilai adalah tidak ketara.

4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Penilaian Kritikal Dibuat dalam Mengaplikasi Polisi Perakaunan

Penilaian dibuat oleh pengurus Pelaburan dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Unit Amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:

- (i) Pengurus pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya adalah dirosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan di antara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelaburan merosot.
- (ii) Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskaunkan, aset nyata bersih, nilai aset ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi menganggar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liabiliti, mungkin mengandungi risiko penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa ke tahun kewangan seterusnya, bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu. Andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain, andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskaun yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang di bawa secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

(c) Penilaian Rosot Nilai

Penilaian rosot nilai pelaburan-pelaburan yang terlibat dengan indikasi-indikasi rosot telah dilaksanakan oleh Pengurus Pelaburan. Pada tahun semasa pengiktirafan rosot nilai pelaburan adalah sebanyak RM32,825,544 (2023: RM9,874,828).

5. PENDAPATAN DARIPADA PNB

Dalam tahun semasa, PNB telah memberikan sumbangan tunai sebanyak RM27,000,000 (2024: Tiada) sebagai sebahagian daripada rancangan penstrukturan semula portfolio pelaburan Unit Amanah.

6. YURAN PENGURUS

Klausa 13.1 dan Jadual ke Lapan Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.5% setahun daripada Nilai Aset Bersih pada kos ("VOF") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah. Pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025, tiada pengecualian yuran pengurusan.

Yuran Pengurus yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025 ialah 0.35% (2024: 0.35%) setahun daripada VOF Unit Amanah.

7. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 13.2 dan Jadual ke Sembilan Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran sehingga 0.08% daripada VOF boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, tertakluk kepada minimum RM18,000 setahun.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025 ditetapkan pada RM900,000 (2024: RM900,000).

8. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan kecuali pendapatan dividen oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, sehingga tahun taksiran 2028.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, potongan cukai di sumber bagi pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

9. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	2025 RM	2024 RM
Peruntukan pengagihan	730,982,467	660,548,730

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025 sebanyak 5.50 sen (2024: 5.25 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berasaskan purata baki minima bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit sepanjang tempoh 12 bulan sehingga akhir tahun kewangan.

Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	2025 RM	2024 RM
Pendapatan dari instrumen, pasaran wang sekuriti		
berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	85,955,564	67,584,364
Pendapatan dari PNB	27,000,000	-
Pendapatan dividen	402,385,305	382,490,542
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	314,570,613	270,658,106
Keuntungan bersih ternyata kadar tukaran asing	(2,798,572)	13,601,271
	827,112,910	734,334,283
Tolak: Perbelanjaan	(96,130,443)	(73,785,553)
Jumlah pengagihan	730,982,467	660,548,730
Pengagihan kasar dan bersih seunit	5.50 sen	5.25 sen

10. MODAL PEMEGANG UNIT

	2025 Unit	RM	2024 Units	RM
Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:				
Pada awal tahun	12,746,997,611	12,746,997,611	12,420,097,611	12,420,097,611
Penjadian unit untuk:				
Pelaburan semula				
pengagihan	656,100,000	656,100,000	527,700,000	527,700,000
Jualan				
penjadian unit	986,300,000	986,300,000	59,200,000	59,200,000
Jualan				
pembatalan unit	(216,900,000)	(216,900,000)	(260,000,000)	(260,000,000)
Pada akhir tahun	14,172,497,611	14,172,497,611	12,746,997,611	12,746,997,611

11. UNIT DIPEGANG OLEH PENGURUS DAN PNB

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Mac 2025, PNB secara sah memegang 12,425,267 unit (2024: 6,837,781 unit), merangkumi 0.09% (2024: 0.05%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

12. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM / BROKER / DEALER / INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	RM	%	RM	%
Citigroup Global Markets				
Malaysia Sdn. Bhd	765,257,250	8.24	3,031,238	24.96
Standard Chartered Bank				
Malaysia Bhd	719,231,003	7.75	-	-
JPMorgan Securities				
(Malaysia) Sdn Bhd	703,728,853	7.58	807,180	6.65
Maybank Investment				
Bank Berhad**	511,890,956	5.51	547,494	4.51
Malayan Banking				
Berhad*	481,123,286	5.18	171,822	1.41
Macquarie Capital Securities				
(Malaysia) Sdn Bhd	465,368,917	5.01	282,035	2.32
CIMB Securities				
Sdn Bhd**	450,695,030	4.85	1,571,869	12.94
RHB Investment				
Bank Berhad**	448,430,156	4.83	555,796	4.58
CitiBank Berhad	448,290,704	4.83	1,082,124	8.91
CLSA Securities				
(Malaysia) Sdn Bhd	437,797,409	4.72	377,126	3.11
Lain-lain	3,851,627,446	41.50	3,718,768	30.61
	9,283,441,010	100.00	12,145,452	100.00

ASNB dan PNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham tersebut.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat berkenaan.

** PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri.

13. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2025	2024
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.55 kali	0.47 kali

PGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan PGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

14. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2025	2024
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.51%	0.53%

NPP dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

15. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar pendapatan dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti / Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilihan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti / pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan prestasi syarikat-syarikat yang dilabur yang teliti.

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelabagaan. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Mata Wang

Risiko mata wang ialah risiko penurunan dan peningkatan nilai instrumen kewangan disebabkan oleh perubahan kadar pertukaran mata wang asing. Unit Amanah melabur dalam sekuriti patuh syariah dan pelaburan lain yang didominasi oleh mata wang selain mata wang fungsian. Justeru, nilai aset-aset Unit Amanah mungkin akan memihak menguntungkan atau sebaliknya disebabkan oleh risiko peningkatan atau penurunan kadar mata wang asing.

Risiko Kecairan / Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi sebagai sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko di mana kegagalan dari pihak yang berurusan untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

16. LAPORAN BERSEGMENT

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

17. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB, Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Unit No. A-G-R4, A-G-R5, A-G-R6 & A-G-R7, Block A, Bangunan Suasana PJH, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 & 18-2, Pusat Dagangan Shah Alam, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40000 Shah Alam, Selangor	No. 7, Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor, 45000 Kuala Selangor, Selangor
MELAKA	
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al-Azim, Jalan KPAA 1, Bukit Baru, 75150 Melaka	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban, Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh, Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan, Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah, Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan, Pahang	No. 8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh, Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 & A-12A-2, Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang
PERLIS	
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 Kangar, Perlis	Lot 1, 2 & 3, Tingkat Bawah dan Tingkat 1, Jalan Pejabat, Mukim Bandar, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
No. 27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar, Kedah	No. 51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani, Kedah
JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Bandar Penggaram, 83000 Batu Pahat, Johor	No. 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre, 81200 Johor Bahru, Johor

JOHOR	
No. 6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 Segamat, Johor	
KELANTAN	
Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu, Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>	No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh, Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>
SABAH	
Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal, 88100 Kota Kinabalu, Sabah	TB 4287 & 4280, Tingkat Bawah & Satu, Town Ext II, Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau, 91000 Tawau, Sabah
Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu, Sabah	Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau, Sabah
Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan, Sabah	
SARAWAK	
Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching, Sarawak	Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 Miri, Sarawak
Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu, Sarawak	Lot 1457 & 1458, Sg. Kudong Shophouse, Ground Floor, Jalan Buangsiol, 98700 Limbang, Sarawak
Lot 1922 & 1923, Lorong 1, Jalan Kelab, 95000 Sri Aman, Sarawak	Lot 1007 & 1008, Jalan Kampung Nyabor, 96000 Sibu, Sarawak

9. MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad
197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

Permodalan Nasional Berhad
197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 91, Menara Merdeka 118
Presint Merdeka 118
50118 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

EMEL

asnbcare@asnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad
200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 34, Vista Tower, The Intermark
348, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

TELEFON

03-2036 5129

EMEL

info@artrustees.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.my

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

